

Headline	Nenek sara 3 cucu dengan RM80		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	13	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	248 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,947
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,841



## Nenek sara 3 cucu dengan RM80

**LABIS 26 Jun** - Seorang wanita di Pekan Air Panas, dekat sini yang membesarkan tiga cucunya, buntu apabila memikirkan nasib mereka kerana tidak berpeluang merasai kemeriahian Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba tidak lama ekoran kesempitan hidup.

Normah Asinar, 59, yang tinggal bersama tiga cucunya yang masih kecil iaitu Mohamad Zainawi Abdullah, 12; Mohamad Syawal Zainawi, 2, dan Siti Aishah, 1, sebelum ini mengikut suaminya di Perak dan kini menetap di rumah peringgalan ibunya di sini selepas bercerai dengan suami, Ogos tahun lalu.

"Anak saya, Siti Noraini Talib, 25, yang merupakan ibu kepada cucu-cucu saya ini berkahwin dengan suaminya semasa berusia 13 tahun di Thailand tanpa pengetahuan keluarga dan menghilangkan diri ham-pir setahun lamanya ketika saya masih tinggal di Perak.

"Dia hanya pulang ke pangkuan keluarga sewaktu mengandungkan anak sulungnya dan kembali meng-hilangkan diri selepas dua hari ber-salin. Kemudian selepas hampir 10 tahun hilang, dia muncul semula sebelum melahirkan anak keduanya dan melarikan diri sekali lagi se-lepas dibenarkan keluar dari hospi-tal," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Kali terakhir Siti Noraini pulang

ke rumah pada awal tahun lalu un-tuk melahirkan anak ketiganya dan ketika itu dia menyangka anaknya itu telah berubah, namun apa yang berlaku sebaliknya apabila anaknya menghilangkan diri beberapa hari selepas melahirkan anak keti-ganya.

Normah turut bingung me-mikirkan nasib cucu sulungnya, Mohamad Zainawi yang mungkin tidak dapat menyambung perse-kolahan di sekolah menengah tahun depan disebabkan tidak mampu menanggung perbelanjaan seperti tambang bas serta wang perbelanjaan lain.

"Saya kini hanya bergantung hidup dengan bantuan MyKasih se-banyak RM80 sebulan untuk mem-beli barang dapur serta ihsan jiran dan penduduk kampung. Saya rasa amat bersyukur masih ada ins-an berhati mulia yang sudi meng-hulurkan bantuan kepada kami.

"Sebenarnya semasa tinggal di Perak, saya mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), tetapi selepas pulang ke sini saya tidak lagi menerima bantuan tersebut disebabkan mengalami be-berapa masalah untuk pertukaran dilakukan," katanya.

Orang ramai yang ingin meng-hulurkan sumbangan boleh meng-hubunginya di talian 012-5533705.

Headline	Nenek sara 3 cucu dengan RM80		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	13	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	248 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,947
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,841



**NORMAH ASINAR** bersama tiga cucu yang dibesarkannya terpaksa hidup dalam serba kekurangan serta menumpang di rumah pusaka peninggalan ibunya ketika ditemui di Pekan Air Panas, Labis, Johor. - UTUSAN/MOHAMED SAARI